



YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
NO.56A, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7302703 No. Fax : 04-7303713

**TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
KE UNIVERSITI-UNIVERSITI DI TIMUR TENGAH (MESIR & JORDAN)
YANG DIKTIKRAF
OLEH KERAJAAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2019/2020**

Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) mempelawa calon yang berkelayakkan untuk memohon pinjaman pendidikan bagi melanjutkan pengajian di dalam bidang Perubatan dan Pengajian Islam Peringkat Ijazah Sarjana Muda.

KELAYAKAN MEMOHON

1. **Anak Negeri Kedah Darul Aman** seperti takrif berikut :
 - a. Pemohon atau ibu atau bapa yang dilahirkan di Negeri Kedah Darul Aman; ATAU
 - b. Pemohon serta ibu dan bapa lahir di luar Negeri Kedah dan telah bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun dan menetap di Negeri Kedah hendaklah mengemukakan surat pengesahan pemastautin daripada Wakil Rakyat/Pegawai Daerah/Penghulu Mukim bersama pengesahan Imam Kariah.

BIDANG PERUBATAN / PERGIGIAN / FARMASI

UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MESIR

1. **PELAJAR TAHUN 2 DAN KE ATAS** sahaja yang layak memohon.

BIDANG PENGAJIAN ISLAM / BAHASA ARAB / TAHFIZ AL-QURAN

UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIR

1. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2018 dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid, dan ;
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam semua matapelajaran berikut ;
 - Bahasa Malaysia
 - Bahasa Arab Tinggi/Komunikasi
 - Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah, dan ;
 - Pendidikan Syariah Islamiah

UNIVERSITI DI JORDAN

1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat kepujian dalam semua matapelajaran berikut ;
 - Bahasa Malaysia
 - Bahasa Arab Tinggi/Komunikasi
 - Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah, dan ;
 - Pendidikan Syariah Islamiah

(Pelajar yang sedang menuntut di Universiti berkenaan layak untuk memohon dan sertakan bersama salinan keputusan peperiksaan terakhir)

CARA MEMOHON

1. Permohonan dibuka mulai **10hb April 2019**.
2. Permohonan Pinjaman Pendidikan boleh dibuat secara atas talian di laman web www.yink.gov.my (**Pinjaman Pendidikan**)
3. Sila lengkapkan permohonan berkenaan dengan menyertakan salinan sijil-sijil persekolahan beserta dokumen kelahiran pelajar dan penyata gaji atau surat pengesahan pendapatan kedua ibu bapa yang telah disahkan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar terus kepada YINK **pada atau sebelum 30hb April 2019** di alamat :

Yayasan Islam Negeri Kedah
No. 56A, Jalan Telok Wanjah
05200 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Hanya permohonan yang lengkap akan diproses dan calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut sila hubungi :

No.Tel : 04-7302703 / 04-7303713

- PUAN SURIA BT MAT NOOR
- PUAN MASTURA BT MOHAMAD TAJUDIN